

Fahami hasrat Al-Sultan Abdullah

Oleh **KHAIRUL AZLAM MOHAMAD**

KUALA TERENGGANU: Pengasas Jurisprudens Watani yang juga Profesor Madya, Fakulti Pengurusan Industri, Universiti Malaysia Pahang (UMP), Dato' Dr Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, mengulas kenyataan terbuka Ahli Parlimen Parti KeADILan Rakyat (PKR), Hassan Abdul Karim, yang mempersoalkan titah Yang di-Pertuan Agong agar anggota Dewan Rakyat memberikan sokongan pada kepada Belanjawan 2021, yang akan dibentangkan pada 6 November ini.

Katanya, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Abdullah R'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah telah menyampaikan nasihat baginda melalui Datuk Pengelola Bijaya Draja Istana Negara, agar Rang Undang-Undang (RUU) Perbekalan tidak ditolak semata-mata permainan politik kerana itu boleh menjejaskan kepentingan rakyat.

Ini kerana, kata Dato' Dr Wan Ahmad Fauzi, baginda melihat situasi semasa amat kritikal memerlukan RUU Perbekalan dibahaskan dan diluluskan dengan merit bagi menangani penularan wabak Covid-19 serta keperluan



Dato' Dr Wan Ahmad Fauzi Wan Husain

frontliners dan pemulihan ekonomi negara.

Menurutnya, nasihat yang disampaikan oleh Al-Sultan Abdullah itu atas kapasiti baginda sebagai Ketua utama negara yang juga merupakan entiti tertinggi dalam Parlimen.

"Pada hakikatnya negara kita (Malaysia) tidak mengamalkan prinsip pengasingan kuasa seperti diamalkan di Amerika Syarikat. Malah prinsip pengasingan kuasa sebenar-benarnya juga tidak berlaku di England.

"Sebaliknya prinsip Perlembagaan kita menetapkan cabang-cabang kuasa di bawah Yang di-Pertuan Agong (YDPA) dan Majlis Raja-Raja Melayu (MRJM) yang

terdiri daripada cabang perundangan, eksekutif dan pentadbiran keadilan.

"Justeru, kita dapat melihat fungsi YDPA dalam ketiga-tiga cabang kuasa tersebut dengan jelas," ujarnya kepada Harakah, hari ini.

Kata beliau, nasihat YDPA tidak menyentuh atau menghalang perjalanan proses di bawah peruntukan-peruntukan seperti yang dibangkitkan dalam kenyataan akhbar Hassan itu.

Sebaliknya, kata Dr Wan Fauzi, kenyataan akhbar Ahli Parlimen Pasir Gudang itu cuba mempertikai prerogatif YDPA untuk menyampaikan nasihat agar prosiding Parlimen tidak diganggu semata-mata ada kepentingan yang tidak sesuai dijadikan keutamaan buat masa ini.

"Tiada dalam mana-mana perenggan kenyataan Datuk Pengelola Bijaya Diraja yang bermaksud menghalang mana-mana ahli Parlimen untuk berbahas dan membuat undian.

"Nasihat YDPA lahir daripada keprihatinan baginda kepada keperluan semasa serta kekusaran baginda jika RUU Perbekalan tidak diluluskan, bukan kerana alasan merit tetapi jika digerakkan oleh motif 'politik', " jelasnya.

Perlu ditegaskan, kata Dato' Wan Fauzi bahawa sumpah Ahli Parlimen untuk memelihara, mempertahankan dan melindungi Perlembagaan Persekutuan termasuklah kewajipan untuk menghormati prerogatif YDPA, yang merupakan entiti tertinggi dalam Parlimen dan pemerintahan Persekutuan.

Malangnya, kata beliau, pada hari ini integriti segelintir ahli Dewan Rakyat mula dipertikai oleh rakyat kerana aktiviti politik sejak akhir-akhir ini.

"Saya menghormati kebebasan seorang ahli Parlimen untuk bersuara. Namun tidak adil jika kenyataan seorang ahli Parlimen itu dibuat tanpa meneliti maksud dan tujuan titah nasihat YDPA.

"Kenyataan Istana Negara bertarikh 28 Oktober itu sepatutnya dihormati, malah tidak sekali-kali cuba diputar belit oleh mana-mana pihak sehingga boleh mencabar kewibawaan nasihat YDPA. Justeru nasihat YDPA tidak wajar dijadikan polemik," tegasnya.

Subungan itu, beliau berpendapat bahawa perenggan akhir kenyataan akhbar Ahli Parlimen PKR itu, merupakan satu tuduhan liar yang cuba berselindung dengan amalan demokrasi berparlimen.

"YB Hassan mungkin terlupa

bahawa YDPA merupakan sebahagian daripada institusi Parlimen. Bahkan, baginda mempunyai kewajipan di bawah Sumpah YDPA untuk memerintah dengan adil dan memelihara keamanan dalam negara.

"Sebagai YDPA berposisi pemerintah tertinggi Persekutuan sudah pasti baginda berhak menyampaikan apa jua nasihat yang baginda fikirkan mustahak.

"Malah baginda berhak mengulangi nasihat yang sama di Parlimen di bawah Perlembagaan Persekutuan, sebelum bermula Mesyuarat ke-III bagi Penggal ke-III Parlimen ke-14, ini," ujarnya.

Apa yang jelas, kata Pakar Perlembagaan itu YDPA hanya menasihati hasrat baginda, tiada unsur paksaan atau sebarang tegahan untuk mana-mana ahli Parlimen berbahas.

Menurutnya, baginda boleh sahaja memperkenankan permintaan Perdana Menteri untuk mengisytiharkan darurat bagi memudahkan proses kelulusan belanjawan negara, tetapi itu tidak berlaku.

Justeru, katanya Ahli Parlimen Pasir Gudang itu dinasihatkan agar meneliti semula teks kenyataan Istana Negara serta bersangka baik dengan hasrat YDPA.